

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15/01/2018

## Agenda peribadi makin terserlah

BH - 15/1/2018 pg. 6

**Alor Setar:** Perjuangan politik berasaskan agenda peribadi Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang dilihat semakin terserlah.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata ini kerana Dr Mahathir dilihat semakin terdesak mencapai cita-cita untuk menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Mengulas lanjut katanya, beliau percaya taktik Tun Mahathir yang mahu diangkat sebagai Perdana Menteri, sekiranya pakatan pembangkang memenangi PRU hanya bersifat sementara, sebaliknya beliau akan menyerahkan jawatan itu kepada anaknya kelak.

"Sebab itu rakyat kena tengok apa agenda perjuangan Dr Mahathir selepas jadi Perdana Menteri, pastinya ada agenda tersirat.

"Apatah lagi Mukhriz pun memang ada cita-cita nak jadi Perdana Menteri jadi usaha dia kena buat masa Dr Mahathir ada, (hanya) dengan bantuan bapanya, dia berharap boleh jadi," katanya selepas melawat Pasar Tani Taman Wira Mergong, di sini.

Pada majlis itu, Ahmad Bashah turut menyampaikan sumbangan barangan makanan kepada 400 penduduk selain meluluskan permohonan RM10,000 bagi setiap enam buah surau di Taman Wira bagi pengurusan pentadbiran.

### Hati-hati agenda perjuangan peribadi Dr Mahathir

Pada masa sama, Ahmad Bashah berkata rakyat perlu berhati-hati dengan agenda perjuangan peribadi Dr Mahathir kerana pastinya keinginan semula beliau untuk menjadi Perdana Menteri bukan bagi membantu rakyat

dan negara.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Sabah, EXCO Wanita UMNO, Datuk Jainab Ahmad, berkata rakyat Sabah tidak boleh mengadai masa depan mereka dengan membiarkan Dr Mahathir dilantik semula ke jawatan Perdana Menteri jika pembangkang memerintah.

Beliau berkata, selama 22 tahun Dr Mahathir mentadbir, Sabah jauh ketinggalan dalam semua aspek pembangunan berbanding negeri lain.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu gagal membawa pembangunan sewajarnya ke Sabah hingga menimbulkan pelbagai masalah yang menjejaskan kehidupan rakyat negeri itu.

"Kita harus menolak sekeras-kerasnya pemimpin yang mempunyai agenda peribadi dan sanggup menyetepikan keperluan rakyat demi kepentingan diri," katanya.



[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

**Ahmad Bashah melawat Pasar Tani Taman Wira Mergong, Alor Setar, semalam.**